



**Pembangunan Kepimpinan Islam Masyarakat Asli Negeri Sembilan  
dalam Perkembangan Dakwah**

**Biacara Dakwah Kali Ke-22  
1 September 2021**

*Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM dengan  
kerjasama Jab.Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.*

**Prof Madya Dr. Abdul Ghafar Bin Don,  
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
[a.g.don@ukm.edu.my](mailto:a.g.don@ukm.edu.my)**

# Konsep Pembangunan Kepimpinan Islam

- Kepimpinan ialah proses interpersonal di mana pemimpin/pengurus mempengaruhi pekerja/subordinate bagi mencapai satu set matlamat tugas (the interpersonal process by which managers influence employee to accomplish set task goal) (Hampton 1987: 448).
- Yusef Uthman (2011) yang mengutip pandangan Frans dan Sander menyatakan bahawa kepimpinan adalah pengaruh sosial yang terdapat dalam sebahagian masyarakat.
- Pemimpin menurut Avolio dan Bass (2002) perlu menjadi role model sehingga ia dikagumi (admired), dihormati (respected) dan dinilai oleh para pengikut.
- Berdasarkan definisi tersebut , kepimpinan meliputi elemen-elemen pengaruh, matlamat dan role model atau keteladanan

# Konsep Pembangunan Kepimpinan Islam

- Kepimpinan Islam bertitik tolak daripada keupayaan seseorang Islam memahami Islam dengan baik dan berupaya mengamalkannya dalam kehidupan secara sempurna sehingga boleh menjadi contoh kepada keluarga dan masyarakat di sekeliling mereka. Keupayaan mempengaruhi orang lain melalui ucapan dan tingkahlaku atau berdakwah kepada keluarga dan masyarakat menjadi motif penting kepada perkembangan risalah Islam. Ia adalah satu tahap yang ideal dalam konteks pembangunan kepimpinan individu yang bergelar Muslim, di mana ia bukan sahaja berupaya memimpin diri dan keluarga, tetapi juga mampu memimpin dan membimbing orang lain ke jalan Islam.

# Pembangunan Kepimpinan Islam

- Aspek bimbingan dan latihan dalam melahirkan kepimpinan Islam atau petugas Islam telah dilaksanakan Rasulullah secara terancang. Terdapat beberapa contoh bagaimana Rasulullah telah melaksanakan tarbiah perkaderan dakwah bagi melahirkan *da'i- qa'id* (pendakwah-pemimpin). Antaranya:
  - 1) Menjadikan rumah al-Arqam di Bukit Safa (al-Mubarkpuri 1995:98) sebagai pusat/markaz tarbiah kepimpinan *da'i*. Tarbiyah di rumah Abi al-Arqam adalah dalam suasana dakwah di peringkat awal. Islam masih belum kuat dan berdepan situasi masyarakat yang sebahagian besar masih lagi tidak beriman. Oleh itu, langkah memilih rumah al-Arqam adalah satu langkah strategik bagi memacu gerakan dakwah dengan melahirkan dan kader atau kepimpinan *da'i*.
  - 2) Pengutusan Mu'az bin Jabal bagi mengajar penduduk Yaman tentang asas-asas Islam pada fasa kemudiannya setelah Islam tertegak sebagai sebuah negara di Madinah merupakan langkah strategik seterusnya dalam memperkasakan perkembangan dakwah Islamiah.

# Pembangunan Kepimpinan Islam Masyarakat Asli Negeri Sembilan

- Perkembangan dakwah dan pengislaman Orang Asli di negeri Sembilan menurut data 2016 masih di tahap yang rendah. Daripada 13,332 penduduk Orang Asli Negeri Sembilan hanya **2471** sahaja yang memeluk **Islam atau 18.5 peratus**. Keadaan ini antara lain mungkin disebabkan kurangnya pemimpin agama dalam kalangan Orang Asli di lokasi masing-masing yang boleh berperanan dalam berdakwah dan membimbing komuniti mereka sendiri. Ketiadaan batin Asli beragama Islam (Jasni Ajom 2021) juga sedikit sebanyak menyumbang kepada hal ini.
- Berdasarkan data pengislaman tersebut, prospek dakwah masyarakat Asli Negeri Sembilan adalah masih terbuka luas dengan syarat lebih ramai kepimpinan Asli di peringkat lokal dilahirkan melalui bimbingan, latihan dan tarbiyah secara berstrategi

# Pembangunan Kepimpinan Islam Masyarakat OA

- Beberapa langkah relevan boleh diberi perhatian dan pertimbangan bagi tujuan melahirkan kepimpinan Islam masyarakat Asli:
  - 1. Mengenalpasti masyarakat Asli yang berpotensi untuk tujuan latihan kepimpinan da'i(pendakwah) khususnya generasi muda
  - 2. Memberi latihan dan bimbingan dalam takmir surau di perkampungan Asli – Melalui program takmir & pengurusan surau diharap dapat membangun potensi pemimpin Islam OA di samping memberi impak yang lebih baik kepada dakwah

# Pembangunan Kepimpinan Islam Masyarakat OA

- 3. Melatih anak-anak OA yang bergraduan dari IPT agar mempunyai kesedaran agama dan dakwah- Jika hal ini dapat dilaksanakan, perkembangan dakwah di perkampungan Asli akan lebih baik.
- 4. Membina kepimpinan Islam-da'i lokal yang boleh memimpin hal ehwal agama dan masyarakat. Ini kerana hal ehwal agama dan masyarakat biasanya bergerak seiring sebagaimana tradisi kepimpinan Islam. Mereka perlu dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran memimpin hal ehwal kelslaman atau upacara keagamaan di kampung masing-masing (Berupaya menjadi imam, bilal, memimpin bacaan yasin, tahlil, pengurusan jenazah, upacara korban, membaca khutbah jumaat dll)

## Pembangunan Kepimpinan Islam OA

- 5. Membina kemahiran berkomunikasi – Seorang pemimpin Islam mesti menguasai kemahiran berkomunikasi dalam mempengaruhi masyarakat agar menerima ajaran Islam dalam kehidupan. Ini melibatkan latihan membina keyakinan diri dalam berhadapan *mad'u*.
- 6. Membina kemahiran perubatan Islam – Kemahiran ini relevan dan sesuai dengan latarbelakang bi'ah (persekitaran/reality) kampung OA yang memerlukan pemimpin Islam menguasai ilmu dan kemahiran berkaitan perubatan Islam



## Kesimpulan

- Pembangunan kepimpinan Islam masyarakat Asli yang kompeten adalah keperluan yang mendesak dalam konteks meningkatkan keberkesanan gerakan dakwah di perkampungan Orang Asli secara khusus di Negeri Sembilan, dan secara amnya di Malaysia.
- Pendekatan bersepadu melibatkan pengoptimuman sumber, potensi, latihan, sokongan, infrastruktur dan modul akan menyumbang kepada pencapaian matlamat melahirkan kepimpinan Islam masyarakat Asli untuk jangka masa panjang.

